

**DISKRIMINASI TERHADAP KAUM WANITA DI  
INDIA (1990 - 2018)**



**NORAIDAH BINTI RICHARD**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**DISKRIMINASI TERHADAP KAUM WANITA DI  
INDIA (1990 – 2018)**

**NORAIDAH BINTI RICHARD**



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
MUDA SAINS SOSIAL (SEJARAH)**


**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

# PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa penulisan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan di mana setiap satunya telah dijelaskan kesemua sumbernya.

1 Ogos 2022



Noraidah Binti Richard

BA19110378



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

NAMA : **NORAIDAH BINTI RICHARD**  
NO. MATRIK : **BA19110378**  
TAJUK : **DISKRIMINASI TERHADAP KAUM WANITA DI INDIA  
(1990 - 2018)**  
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN (SEJARAH)**

**DISAHKAN OLEH:**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan  
*myasiche*

---

# PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan lafaz syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kuasa dan izin-Nya saya diberikan kekuatan dan ketabahan sepanjang menyiapkan penulisan ilmiah ini. Meskipun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi termasuklah pencarian sumber rujukan dan kekangan masa, Alhamdulillah, kesemua urusan amat dipermudahkan dengan izin-Nya. Oleh itu, cabaran yang saya hadapi sepanjang tempoh menyiapkan penulisan ilmiah ini telah mendekatkan diri lagi kepada yang Maha Esa.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Maureen De Silva selaku penyelia sepanjang penulisan ilmiah ini dijalankan. Beliau banyak memberi tunjuk ajar iaitu bermula dari pencarian tajuk kajian yang sesuai, proses penulisan draf sehingga kepada penulisan kajian yang lengkap. Selain itu, cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh beliau juga amat memudahkan saya untuk memahami dan mengikuti demi menghasilkan kualiti penulisan kajian yang lebih baik. Bukan itu sahaja, beliau turut mencadangkan penggunaan sumber rujukan yang terbaik untuk mengukuhkan hujah kajian sama ada sumber berbentuk primer dan sekunder. Oleh hal sedemikian, jasa beliau amatlah saya hargai dan segala nasihat serta teguran akan saya sematkan untuk dijadikan pedoman di masa hadapan.

Dalam pada itu, tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Richard Diasar dan Rosalia Magramo Gado yang telah bertungkus-lumus memberikan sokongan berbentuk nasihat, dorongan dan kewangan sepanjang tempoh pengajian saya di universiti ini. Sesungguhnya, saya amat terutang budi akan kedua ibu bapa saya kerana tanpa sokongan mereka, saya tidak akan berupaya untuk melanjutkan pengajian di universiti. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada adik-beradik saya iaitu Nursyakinah Richard dan sanak saudara yang lain kerana mereka juga banyak memberikan pertolongan dari awal tempoh pengajian sehingga kini. Oleh itu, jasa dan pengorbanan kedua ibu bapa dan ahli keluarga yang lain akan saya hargai sepanjang masa.

Sehubungan dengan itu, setinggi-tinggi penghargaan saya kepada rakan-rakan seperjuangan bagi program Sejarah (HA24) kerana sudi memberikan nasihat dan pertolongan sepanjang menuntut di universiti ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada rakan seperjuangan saya iaitu Tiong Mee Yee kerana beliau banyak memberikan pertolongan dan dorongan sepanjang menjayakan penulisan ilmiah ini secara bersama. Oleh itu, diharapkan agar segala usaha yang dicurahkan oleh semua rakan seperjuangan dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini akan membuahkan hasil yang baik hingga ke akhirnya.

Akhir sekali, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat untuk menjayakan penulisan ilmiah ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga segala urusan kalian akan dipermudahkan dan mendapat nikmat limpahan rezeki dari yang Maha Esa. Sekian dan terima kasih.

NORAIDAH BINTI RICHARD

27 JULAI 2022

# ABSTRAK


Kajian ini memberi fokus kepada isu diskriminasi terhadap kaum wanita di India bermula pada tahun 1990 sehingga 2018. Antara permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini adalah berkaitan dengan diskriminasi berbentuk sati iaitu pembakaran wanita bersama dengan mayat suaminya pada hari pengebumian. Dowri juga merupakan antara permasalahan utama yang dihadapi oleh wanita iaitu sistem pemberian mas kahwin ataupun mahar oleh pihak keluarga pengantin perempuan kepada keluarga pengantin lelaki. Sistem dowri jelas memperlihatkan diskriminasi yang ketara terhadap wanita apabila mereka menerima penindasan dari pihak keluarga pengantin lelaki jika jumlah mahar yang diberikan adalah kurang. Oleh hal sedemikian, permasalahan mulai timbul apabila wujudnya tanda tanya mengapa kedua-dua kepercayaan ini masih berterusan sehingga kini meskipun sudah hidup di era moden. Adakah ia disebabkan oleh pihak kerajaan dan swasta yang tidak pernah mencampuri isu ini ataupun sikap masyarakatnya yang ingin mengekalkan adat dan kepercayaan agama terdahulu. Berdasarkan data primer dan sekunder yang diperolehi dari pelbagai sumber, kajian ini mendapati bahawa antara bentuk-bentuk diskriminasi yang dihadapi oleh wanita India termasuklah penindasan dari segi hak berpolitik, jurang gaji yang rendah, adat sati dan dowri, keganasan rumah tangga, isu pengguguran bayi dan kes cabul, rogol serta gangguan seksual. Hal ini berpunca daripada kemiskinan, adat dan kepercayaan, akses pendidikan rendah, kurang kesedaran wanita dan kekurangan perlindungan undang-undang. Oleh itu, terdapat banyak inisiatif dari pihak kerajaan dan swasta dalam melaksanakan langkah pembendungan terhadap diskriminasi ini.

**Kata Kunci:** Wanita, India, Diskriminasi, Sati, Dowri

## **ABSTRACT**

*This study focuses on the issue of discrimination against women in India starting from 1990 until 2018. Among the research problems that underlie this research is related to discrimination in the form of sati, which is the burning of women along with her husband's body on the day of the funeral. Dowry is also one of the main problems faced by women, which is the system of giving dowry or dowry by the bride's family to the groom's family. The dowry system clearly shows significant discrimination against women when they receive oppression from the groom's family if the amount of dowry given is less. Because of this, problems began to arise when there was a question mark as to why these two beliefs still persist until now even though they have lived in the modern era. Is it caused by the government and the private sector who have never interfered in this issue or the attitude of the people who want to maintain their previous religious customs and beliefs. Based on primary and secondary data obtained from various sources, this study found that among the forms of discrimination faced by Indian women include oppression in terms of political rights, low pay gap, sati and dowry customs, domestic violence, abortion issues and cases of obscenity, rape and sexual harassment. This is due to poverty, customs and beliefs, low access to education, lack of women's awareness and lack of legal protection. Therefore, there are many initiatives from the government and the private sector in implementing containment measures against this discrimination.*

**Keywords:** *Women, India, Discrimination, Sati, Dowry*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>		i
<b>PENGAKUAN</b>		ii
<b>PENGESAHAN</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		v
<b><i>ABSTRACT</i></b>		vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>		vii
<b>SENARAI PETA</b>		x
<b>SENARAI GAMBAR</b>		xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>		xii
<b>BAB 1:       PENDAHULUAN</b>		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Sorotan Literatur Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Skop Kajian	10
1.7	Kaedah Kajian	12
1.8	Pembahagian Kajian	13
1.9	Kesimpulan	15



<b>BAB 2:</b>	<b>LATAR BELAKANG MASYARAKAT INDIA DAN KEDUDUKAN WANITA</b>	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Latar Belakang Masyarakat India	16
2.3	Sejarah Masyarakat India Selepas Mencapai Kemerdekaan	20
2.4	Struktur Sosial Masyarakat India	26
2.5	Sistem Kekeluargaan Dan Perkahwinan	30
2.6	Kedudukan Wanita Di India	32
	2.6.1 Politik	33
	2.6.2 Ekonomi	36
	2.6.3 Sosial	38
2.7	Kesimpulan	45
<b>BAB 3:</b>	<b>DISKRIMINASI TERHADAP WANITA DI INDIA DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA</b>	
3.1	Pengenalan	47
3.2	Diskriminasi terhadap Wanita di India	47
	3.2.1 Politik	48
	3.2.2 Ekonomi	49
	3.2.3 Jenayah terhadap Wanita	51
3.3	Faktor-faktor Diskriminasi terhadap Wanita di India	63
	3.3.1 Kemiskinan	63
	3.3.2 Adat resam, Kepercayaan dan Amalan Sosial	66
	3.3.3 Kelemahan Akses Pendidikan Wanita	68
	3.3.4 Kadar Pengangguran yang Tinggi	71
	3.3.5 Kurang Kesedaran Hak Asasi Wanita	73
	3.3.6 Kelemahan Liputan Media	75
3.8	Kesimpulan	77
<b>BAB 4:</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH MEMBENDUNG DISKRIMINASI TERHADAP WANITA DI INDIA</b>	
4.1	Pengenalan	79

4.2	Pihak Kerajaan	79
4.2.1	Melaksanakan Aktiviti Pamerkasaan Wanita	82
4.2.2	Menyediakan Hak Pendidikan Sama Rata Wanita	86
4.2.3	Memperkasakan Perlindungan Undang-undang Wanita	89
4.2.4	Meningkatkan Perlindungan Wanita dalam Sektor Pekerjaan	91
4.3	Agensi bukan Kerajaan (NGO)	95
4.3.1	<i>The Self-Employed Women's Association (SEWA)</i>	95
4.3.2	<i>Azad Foundation</i>	97
4.3.3	<i>North East Network (NEN) in India</i>	98
4.3.4	<i>Centre for Social Research (CSR)</i>	100
4.4	Kesimpulan	102
<b>BAB 5:</b>	<b>KESIMPULAN</b>	103
<b>RUJUKAN</b>		111



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI PETA

## Halaman

Peta 2.1: *Kedudukan geografi negara India*

17



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI GAMBAR

## Halaman

Gambar 2.1: Gambar rajah sistem kasta dalam struktur sosial masyarakat India	27
--	----



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI SINGKATAN

<i>AI</i>	<i>Amnesty International</i>
<i>AIDS</i>	<i>acquired immune deficiency syndrome</i>
<i>CARE</i>	<i>Cooperative and Assistance for Relief Everywhere</i>
<i>CEDAW</i>	<i>Convention on Elimination of All Forms of Discrimination Against Women</i>
<i>CICs</i>	<i>The Crisis Intervention Centres</i>
<i>CSR</i>	<i>Centre for Social Research</i>
<i>EAPEP</i>	<i>Economically Active Population Estimates and Projection</i>
<i>FIR</i>	<i>First Information Report</i>
<i>FLFP</i>	<i>Female Labor Force Participation</i>
<i>GBV</i>	<i>Gender Based Violence</i>
<i>GEM</i>	<i>Gender Empowerment Measure</i>
<i>GDP</i>	<i>Gross Domestic Products</i>
<i>HDI</i>	<i>Human Development Index</i>
<i>HRW</i>	<i>Human Rights Watch</i>
<i>ICRW</i>	<i>The Office of the High Commissioner for Human Rights</i>
<i>ICT</i>	<i>Information and Communications Technology</i>
<i>ILO</i>	<i>International Labour Organization</i>
<i>NCRB</i>	<i>The National Crime Records Bureau</i>
<i>NEN</i>	<i>North East Network</i>
<i>NGO</i>	<i>Non-Governmental Organization</i>
<i>OHCHR</i>	<i>The Office of the High Commissioner for Human Rights</i>
<i>PSRA</i>	<i>Private Security Regulation Act</i>
<i>PWDVA</i>	<i>Protection of Women from Domestic Violence Act</i>
<i>RTE</i>	<i>Right to Education</i>
<i>SEWA</i>	<i>The Self-Employed Women's Association</i>
<i>SSC</i>	<i>Sector Skill Council</i>
<i>TB</i>	<i>tuberculosis</i>
<i>UN</i>	<i>United Nations</i>
<i>UNDP</i>	<i>United Nations Development Programme</i>
<i>UNICEF</i>	<i>United Nations Children's Fund</i>
<i>UNICESCR</i>	<i>United Nations Committee on Economic, Social and Cultural Rights</i>

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Secara umumnya, diskriminasi bermaksud perlakuan tidak adil terhadap seseorang atau sekumpulan individu atas dasar prasangka yang tidak baik berdasarkan bangsa, jantina, asal-usul, usia, agama, warna kulit dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, diskriminasi juga memaparkan perbuatan penindasan terhadap kehidupan seseorang mahupun sekelompok individu yang akhirnya menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan yang tidak berkesudahan terhadap diri pihak yang ditindas tersebut. Diskriminasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk utama antaranya ialah rasisme, anti-semitisme, transfobia serta diskriminasi terhadap kelas sosial dan penampilan fizikal seseorang.<sup>1</sup> Oleh itu, diskriminasi merupakan salah satu cabaran terbesar dunia dalam menyelesaikan isu-isu penindasan serta keganasan untuk melahirkan kesejahteraan masyarakat di seantero dunia.

Dalam konteks ini, penindasan terhadap wanita di India merupakan salah satu tindakan diskriminasi yang dominan di dunia yang berlaku sekitar abad ke-19 hingga kini. Menurut sejarah peradaban masyarakat India, kedudukan wanita telah mula dipertikaikan serta direndahkan oleh komuniti masyarakatnya. Wanita dilayan dalam pelbagai bentuk yang berbeza mengikut status mereka iaitu bermula daripada zaman kanak-kanak sehingga menempuh ke alam perkahwinan menjadi seorang ibu, isteri, menantu ataupun balu. Kedudukan kaum wanita juga seringkali dibandingkan dengan kaum lelaki di mana masyarakat India amat mempercayai bahawa anak lelaki perlu diberikan kedudukan tertinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak

---

<sup>1</sup> Kurt Salentin & Wilhelm Heitmeyer, 2021, Discrimination, In *Encyclopaedia Britannica*, Dipetik dari <https://academic-eb-com.ezproxy.ums.edu.my/levels/collegiate/article/discrimination/608901> pada 10 Mei 2021.

lelaki dianggap memiliki keistimewaan tertentu dan perlu dihargai.<sup>2</sup> Oleh itu, kepercayaan kuno tersebut masih diamalkan sehingga kini di India dan menjadi semakin parah.

Sehubungan dengan itu, kaum wanita di India diberikan layanan buruk kerana masyarakat amat memandang rendah akan kebolehan dalam diri mereka. Keadaan semakin bertambah parah apabila wanita ini sering diabaikan dan tidak diberikan peluang pendidikan untuk memperbaiki masa depan yang lebih baik. Kaum wanita tersebut menerima pelbagai bentuk tindakan diskriminasi seperti gangguan seksual, perkahwinan anak gadis, keganasan rumahtangga dan perwakilan tidak senonoh wanita melalui penerbitan, penulisan ataupun lukisan. Tindakan diskriminasi yang lain adalah seperti pengamalan adat sati dan dowri yang telah wujud sejak abad ke-19. Sebagai contohnya, adat sati akan dikenakan terhadap seorang balu di mana mereka akan dibakar secara paksaan ataupun sukarela bersama mayat suami.<sup>3</sup> Manakala, dowri merupakan suatu amalan dalam perkahwinan di mana pihak perempuan akan membayar mas kahwin kepada pihak lelaki.<sup>4</sup> Oleh itu, jelaslah di sini bahawa kesemua tindakan tersebut membuktikan diskriminasi terhadap kaum wanita di India semakin berlanjutan sehingga kini.

Akhirnya, tindakan diskriminasi telah mencabul hak kemanusiaan wanita di India secara langsung. Hak wanita secara asasnya merangkumi memiliki kehidupan yang bebas daripada keganasan dan diskriminasi, kesihatan mental dan fizikal, pendidikan dan kebebasan bersuara. Malahan, gerakan hak asasi kemanusiaan secara rasminya memasukkan kaum wanita sebagai golongan yang wajib mendapatkan hak mereka sejak pasca Perang Dunia Pertama. Bukan itu sahaja, Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948, Perjanjian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Hak Ekonomi Sosial dan Budaya (UNICESCR) dan Hak Politik (UNICCPR) juga mengisytiharkan bahawa semua manusia perlu dilayan sama rata tanpa mengira jantina mahupun warna kulit.<sup>5</sup> Namun demikian, diskriminasi terhadap wanita di India pada masa kini menjadi fenomena semulajadi yang sukar untuk dibendung.

---

<sup>2</sup> Margaret Marwick, *The Hindu Women*, Columbia: Asia Publishing House, 2001, hlm. 9.

<sup>3</sup> Ghosh, S. K, *Indian Women Through the Ages*, India: South Asia Books, 1990, hlm. 140.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 37.

<sup>5</sup> Susan Moller Okin, *Feminism, Women's Human Rights and Cultural Differences*, *Hypatia*, 13(2), 1998, hlm. 33.

Oleh itu, masih terdapat banyak kaum wanita yang hidup menderita akibat daripada permasalahan ini.

Justeru itu, dalam kertas cadangan penyelidikan ini, pengkaji akan menjelaskan beberapa aspek penting mengenai "Diskriminasi Terhadap Kaum Wanita di India (1990-2018)" sebelum memulakan penyelidikan yang sebenar. Antara aspek terpenting yang akan dibincangkan ialah permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, pembahagian bab dan kesimpulan. Oleh itu, kertas cadangan penyelidikan ini amat penting dalam menjadi panduan terhadap pengkaji akan kajian yang akan dilaksanakan di masa hadapan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Setiap individu mempunyai hak asasi manusia untuk memiliki kebebasan dalam menentukan kehidupan tersendiri. Hak asasi manusia dapat menjamin maruah dan harga diri seseorang insan bergelar manusia serta menggalakkan kebaikan sesama insani. Setiap golongan di muka bumi ini perlu mempertahankan hak asasi masing-masing untuk mengelakkan penindasan terhadap diri sendiri oleh pihak yang tidak berperikemanusiaan. Namun demikian, kenyataan ini tidak seperti yang berlaku terhadap golongan wanita di India. Seperti yang kita sedia maklum, India merupakan salah sebuah negara yang terlibat dalam kes diskriminasi yang tertinggi di dunia. Golongan wanita di negara tersebut menghadapi pelbagai bentuk diskriminasi terutamanya adat sati dan dowri yang semakin dominan dalam masyarakatnya. Kitaran kehidupan wanita India dilihat sering menerima pelbagai penindasan bermula daripada zaman kanak-kanak, remaja, isteri mahupun balu. Oleh itu, diskriminasi tersebut telah mencabul hak wanita yang tidak sewajarnya diperlekehkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Rentetan itu, terdapat beberapa bukti yang diperolehi daripada beberapa sumber utama mengenai diskriminasi terhadap wanita di India. Sebagai contohnya, sebuah berita yang disiarkan dalam Astro Awani pada 22 Oktober 2012 menjelaskan bahawa adat dowri masih teguh diamalkan di India. Kenyataan dalam berita tersebut mengatakan bahawa harga emas yang terus meningkat tidak menghalang amalan



pemberian dowri atau hantaran kahwin. Sebaliknya, ia menjadikan sesebuah keluarga menjadi lebih inovatif dalam memenuhi permintaan dowri. Pada masa kini, dowri dilihat telah mengatasi cabaran peralihan zaman dan perundangan yang melarangnya. Jika pihak perempuan tidak dapat memenuhi tuntutan dowri selepas berkahwin, mereka akan lebih terdedah dengan penyeksaan mental dan fizikal serta membakar pengantin perempuan. Menurut laporan berita itu lagi, terdapat kematian wanita pada setiap jam direkodkan disebabkan oleh amalan dowri.<sup>6</sup>

Akibatnya, isu diskriminasi terhadap wanita India melalui adat sati dan dowri telah menjadi tanda tanya kepada masyarakat di seluruh dunia. Kedua-dua adat tersebut menyebabkan penderitaan terhadap kehidupan golongan wanita India. Mereka tidak diberikan peluang serta sokongan daripada masyarakat demi memperbaiki kehidupan yang lebih baik. Malahan, golongan wanita ini sering diperalatkan oleh keluarga mahupun masyarakat demi kepentingan diri sendiri. Tambahan pula, adat sati dan dowri juga membawa kepada peningkatan angka kematian disebabkan tiada tindakan pengawalan yang efisien daripada pihak kerajaan dan rakyat. Akhirnya, pihak kerajaan semakin membuntu dalam mencari langkah penyelesaian terbaik demi mengatasi diskriminasi melalui adat sati dan dowri terhadap wanita di India.

Oleh itu, kajian ini dijalankan atas sebab isu dan permasalahan yang timbul daripada adat sati dan dowri yang masih diamalkan oleh masyarakat India bermula dari abad ke-19 hingga abad ke-20 kini. Terdapat beberapa kemungkinan tentang mengapa diskriminasi tersebut semakin berterusan antaranya ialah adakah ia disebabkan oleh pihak kerajaannya yang tidak pernah mencampuri urusan perkara ini? Ataupun adakah ia disebabkan oleh masyarakatnya yang ingin mengekalkan adat dan kepercayaan agama terdahulu? Dengan itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana diskriminasi terhadap wanita di India berlaku dalam kalangan masyarakatnya yang semakin tidak berkesudahan. Justeru, diskriminasi terhadap wanita tersebut akan dikaitkan dengan pencabulan hak wanita yang telah dipandang enteng oleh orang ramai

---

<sup>6</sup> Roshdi Lidun, 2012, Amalan Dowri Masih Teduh di India, Dipetik dari <https://www.astroawani.com/berita-dunia/amalan-dowri-masih-teguh-di-india-28> pada 10 Mei 2021.

### 1.3 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kepada tiga objektif utama iaitu:

- i. Mengkaji latar belakang masyarakat India dari segi hierarki sosial dan kedudukan wanita.
- ii. Menganalisis diskriminasi yang berlaku terhadap wanita di India dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.
- iii. Menilai langkah-langkah pihak kerajaan dan swasta dalam membendung diskriminasi terhadap wanita di India.

### 1.4 Sorotan Literatur Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyertakan sepuluh sorotan literatur mengenai beberapa kajian lepas yang dilakukan berdasarkan topik penyelidikan iaitu "Diskriminasi Terhadap Kaum Wanita di India (1990 - 2018)". Dalam artikel yang bertajuk *Dowry, 'Dowry Autonomy' and Domestic Violence Among Young Married Women in India* yang ditulis oleh Saseendran & Tamsin (2018), kajian ini menghuraikan tentang amalan dowri yang telah diamalkan di India merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita muda. Selain itu, kajian ini turut menyatakan bahawa jika pihak perempuan tidak menyediakan mas kahwin melalui amalan dowri, mereka akan lebih terdedah kepada keganasan rumah tangga. Oleh itu, golongan wanita ini terpaksa menerima keperitan kehidupan pada usia muda.<sup>7</sup> Seterusnya, sebuah lagi artikel bertajuk *Kebijakan Pemerintah India Dalam Mengatasi Masalah 'Dowry Deaths'* yang dihasilkan oleh Jusmaliah & Siti (2017) menjelaskan tentang dasar pemerintah India dalam menangani masalah jumlah kematian dalam kes dowri atau lebih dikenali sebagai 'kematian mahar' di India. Pihak perempuan yang bergelar isteri dikehendaki untuk memberikan mas kahwin seperti yang diarahkan oleh pihak suami dan keluarganya kerana ketidakupayaan si isteri untuk membayar mahar. Hal ini juga menyebabkan jumlah kematian semakin meningkat telah direkodkan akibat daripada

---

<sup>7</sup> Saseendran Pallikadavath & Tamsin Bradley, *Dowry, 'Dowry Autonomy' and Domestic Violence Among Young Married Women in India*, *Journal of Biosocial Science*, 2017: 1.

kes keganasan rumah tangga. Oleh itu, kesan daripada tradisi ini telah menyebabkan kematian isteri, diskriminasi dan pengguguran selektif janin wanita.<sup>8</sup>

Kemudian, Implementasi Program '*Cooperative and Assistance for Relief Everywhere (CARE) International*' dalam Memperbaiki Kehidupan Sosial Perempuan di India Tahun 2013-2015 oleh Peggy (2017) menerangkan tentang program pelaksanaan *Cooperative and Assistance for Relief Everywhere (CARE)* dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan sosial wanita dan gadis India. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan tentang bagaimana persatuan CARE tersebut bukanlah sebuah persatuan yang melibatkan keuntungan semata-mata. Oleh itu, dengan adanya pelaksanaan program seperti ini, kesedaran masyarakat akan dapat dipertingkatkan dan membendung masalah diskriminasi wanita yang kian berleluasa di India.<sup>9</sup> Sharada (2014) dalam karya beliau iaitu *Growing Up Unwanted: Girls' Experiences of Gender Discrimination and Violence in Tamil Nadu, India* menjelaskan tentang kehidupan sepuluh orang gadis berbangsa Tamil Nadu bermula daripada zaman kanak-kanak sehingga dewasa yang mengalami pengalaman sebagai mangsa tindakan diskriminasi. Gadis-gadis tersebut menjelaskan bahawa selama ini pihak keluarga memberikan tahap layanan yang amat berbeza terhadap mereka berbanding dengan anak lelaki yang mendapatkan perhatian lebih baik. Hal tersebut berlaku disebabkan oleh pengamalan tradisi yang lebih memberikan tumpuan kepada zuriat lelaki. Oleh itu, artikel ini diakhiri dengan penekanan berdasarkan pendekatan hak yang membolehkan wanita bersuara secara bebas untuk menyedarkan masyarakat bahawa diskriminasi perlu dihentikan di India.<sup>10</sup>

Di samping itu, N. N Sarkar (2013) dalam *The Cause and Consequence of Domestic Violence on Pregnant Women in India* membincangkan tentang kesan ke atas keganasan rumah tangga terhadap kesihatan dan kehamilan wanita di India. Keganasan domestik ini seringkali berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa mengira kelas, kepercayaan, agama dan negara. Akan tetapi, India merupakan salah sebuah

---

<sup>8</sup> Jusmaliah Oktaviani & Siti Muti'ah Setiawati, Kebijakan Pemerintah India Dalam Mengatasi Masalah 'Dowry Deaths', *Dinamika Global*, Vol. 2(1), 2017: 114.

<sup>9</sup> Peggy Putri Norwi, Implementasi Program *Cooperative and Assistance for Relief Everywhere (CARE) International* Dalam Memperbaiki Kehidupan Sosial Perempuan Di India Tahun 2013-2015, *JOMP FISIP*, Vol. 4(1), 2017: 1.

<sup>10</sup> Sharada Srinivasan, Growing Up Unwanted: Girls' Experiences of Gender Discrimination and Violence in Tamil Nadu, India, *European of Development Research*, Vol. 26(2), 2014: 233.

negara yang mencatatkan keganasan rumah tangga yang tertinggi sekaligus membuktikan diskriminasi sememangnya semakin berleluasa dalam masyarakatnya. Kajian ini juga turut menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keganasan rumah tangga adalah kemiskinan, buta huruf dan sikap masyarakat yang tidak mengambil peduli menyebabkan permasalahan ini sukar untuk diatasi.<sup>11</sup> Dalam pada itu, artikel bertajuk *Domestic Violence Against Women in Eastern India: A Population-Based Study Prevalence and Related Issues* yang ditulis oleh Bontha & Shantanu (2009) menghuraikan tentang undang-undang menentang keganasan rumah tangga yang berlaku terhadap wanita di India yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Wanita dari Keganasan Domestik yang popular pada tahun 2005. Terdapat banyak kes keganasan rumah tangga yang berlaku terhadap wanita di India yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa menyebabkan kes tersebut semakin meningkat. Kemudian, suatu tinjauan berasaskan komuniti menunjukkan hampir 21 peratus hingga 48 peratus wanita India mengalami keganasan fizikal dalam keadaan berbeza-beza. Kajian turut mendapati kadar kes keganasan rumah tangga juga berlaku dalam anggaran yang berbeza-beza. Akhir sekali, artikel ini mencadangkan agar agensi-agensi sepatutnya melaksanakan undang-undang bagi mengatasi keganasan rumah tangga.<sup>12</sup>

Sementalahan itu, Clare (2006) dalam *Female Emancipation in An Imperial Frame: English Women and The Campaign Against Sati (Widow Burning) in India, 1813-30* telah meneliti tentang sumbangan penting persatuan wanita dari Barat yang mengadakan kempen menentang adat sati iaitu pembakaran janda bersama mayat suami di India. Persatuan wanita itu telah menjalankan penyiasatan bagi membendung adat sati dan menyokong aktiviti dakwah serta pendidikan wanita di India melalui petisyen parlimen di Britain. Mereka merasakan bahawa adalah perlu untuk mempertahankan hak wanita India daripada terus ditindas tanpa pengadilan yang seadilnya.<sup>13</sup> Manakala, *Legal Liability for Sexual Harassment in The Workplace: India* oleh Ramni (2005) membincangkan tentang perkembangan undang-undang

---

<sup>11</sup> N. N Sarkar, The Cause and Consequence of Domestic Violence on Pregnant Women in India, *Journal of Obstetrics and Gynaecology*, Vol. 33, 2013: 1.

<sup>12</sup> Bontha V. Babu & Shantanu K. Kar, Domestic Violence Against Women in Eastern India: A Population-Based Study Prevalence and Related Issues, *BMJ Public Health*, Vol. 9, 2009: 250.

<sup>13</sup> Clare Midgley, Female Emancipation in An Imperial Frame: English Women and The Campaign Against Sati (Widow Burning) in India, 1813-30, *Women's History Review*, Vol. 9(1), 2006: 95.

gangguan seksual di kebanyakan negara terutamanya India di mana pekerja lelaki sering bersikap berat sebelah terhadap pekerja wanita. Perkembangan undang-undang tersebut difokuskan terhadap Perlembagaan India sebagai tanggungjawab asas hak asasi manusia. Kanun Keseksaan India juga penting dalam memperkembangkan undang-undang gangguan seksual di tempat kerja dan tempat awam. Oleh itu, gangguan seksual di tempat kerja akan lebih terkawal dengan adanya pelaksanaan undang-undang yang sepatutnya.<sup>14</sup>

Selain itu, *The Oppression of Women in India* oleh Pamela & Jennifer (2001) menjelaskan tentang penindasan terhadap wanita di India yang berlaku dalam kitaran hidup mereka yang sentiasa ditindas dan tidak mendapat pembelaan yang sepatutnya. Penindasan terhadap wanita adalah bermula daripada zaman kanak-kanak di mana mereka dilayan dengan amat teruk berbanding dengan anak lelaki yang diberikan perhatian penuh oleh ibu bapa. Kemudian, apabila wanita memasuki alam perkahwinan, mereka lebih terdedah dengan amalan dowri dan keganasan rumah tangga. Apabila seseorang wanita tersebut mengalami kematian suami, mereka dipaksa untuk dibakar bersama-sama dengan mayat suaminya yang dipanggil sebagai adat sati. Oleh itu, jelas di sini bahawa wanita di India sememangnya mengalami nasib yang tidak terbela.<sup>15</sup> Akhir sekali, Manju (1990) dalam *Sex Selective Abortions in India: Parental Choice or Sexist Discrimination?* menghuraikan tentang kes pengguguran anak berdasarkan jantina yang dipilih dalam kalangan masyarakat India. Pihak wanita dan rakyat berperanan dalam menyedarkan masyarakat bahawa kes pengguguran bayi amat berisiko tinggi terutamanya kesihatan golongan ibu. Masalah bayi yang tidak diingini tersebut hendaklah memerlukan perancangan kekeluargaan serta persediaan rapi untuk mempunyai zuriat agar kes ini dapat dibendung. Selain itu, amalan Dowri iaitu mas kahwin yang diberikan oleh wanita kepada lelaki memerlukan kesedaran daripada masyarakat India. Hal ini dikatakan demikian kerana ia akan merendahkan status wanita sama ada dalam kalangan gadis muda, pengantin perempuan dan para isteri.<sup>16</sup>

---

<sup>14</sup> Ramni Taneja, Legal Liability for Sexual Harassment in The Workplace: India, *International of Discrimination and The Law*, Vol. 7, 2005: 293.

<sup>15</sup> Pamela S. Johnson & Jennifer A. Johnson, The Oppression of Women in India, *Violence Against Women*, Vol. 7, 2001: 1051.

<sup>16</sup> Manju Parikh, Sex Selective Abortions in India: Parental Choice or Sexist Discrimination?, *Feminist Issues*, Vol. 10, 1990: 20.

Meskipun pelbagai penulisan yang telah dihasilkan oleh para sarjana mengenai isu diskriminasi terhadap wanita ini, namun terdapat kelompangan yang ketara dalam penulisan mengenai faktor dan langkah pembendungan mengenai diskriminasi tersebut. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap sorotan literatur, para sarjana hanya membincangkan jenis dan bentuk diskriminasi yang berlaku ke atas golongan wanita India. Namun demikian, huraian mengenai faktor dan langkah pembendungan amat kurang dijelaskan dalam perbincangan sorotan kajian literatur yang lepas. Oleh itu, penulisan ini akan menghuraikan faktor dan langkah pembendungan diskriminasi wanita India dengan lebih lanjut.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap sepuluh sorotan literatur kajian, didapati bahawa terdapat kelompangan mengenai diskriminasi wanita terutamanya melalui adat sati dan dowri yang semakin berleluasa sehingga kini. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa catatan penulisan yang menjelaskan tentang kedua-dua adat tersebut, namun kebanyakannya tidak dijelaskan secara menyeluruh terutamanya dari segi sebab-sebab kukuh yang wujud dan bagaimana ia boleh menjejaskan kehidupan wanita di India. Sorotan kajian tersebut hanya meneliti secara umum terutamanya dari segi maksud dan bagaimana adat sati serta dowri dijalankan terhadap golongan wanita di India. Oleh itu kajian ini amat penting dalam mengisi kelompangan seperti yang dijelaskan dalam pernyataan di atas.

Malahan, latar belakang masyarakat India juga didapati tidak dihuraikan secara jelas tentang bagaimana kedudukan wanitanya. Penjelasan mengenai perkara tersebut amat penting untuk memberi gambaran tentang bagaimana layanan masyarakat terhadap golongan wanita sehingga boleh menjurus kepada perbuatan diskriminasi seperti adat sati dan dowri. Tambahan pula, penelitian terhadap latar belakang masyarakat India juga menjadi titik tolak permulaan dalam kajian ini untuk mengembangkan jalan penceritaan penyelidikan agar lebih mudah difahami. Oleh itu, kelompangan yang terdapat dalam aspek latar belakang masyarakat India dari segi kedudukan wanitanya amat penting untuk dikaji dalam penyelidikan ini.

Akhir sekali, terdapat kekosongan yang amat ketara dalam sorotan literatur kajian mengenai tentang sejauh mana tindakan pihak kerajaan India memberikan kesan dalam pembendungan isu diskriminasi terhadap golongan wanitanya. Hal ini dikatakan demikian kerana meskipun pihak kerajaannya menjalankan beberapa inisiatif bagi mengatasi isu tersebut, namun fenomena diskriminasi masih berlaku dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, sorotan mengenai langkah untuk mengatasi isu diskriminasi adalah kurang dijalankan oleh pengkaji pada masa lalu. Penglibatan pihak swasta mahupun persatuan-persatuan dalam mengatasi adat sati dan dowri tidak dijelaskan sepenuhnya dalam sorotan ini. Disebabkan oleh itu, kelompangan kajian tersebut amat penting untuk menyempurnakan kajian isu diskriminasi terhadap wanita di India.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian yang tertumpu dalam penyelidikan ini adalah merangkumi tiga aspek utama iaitu:

### **1.6.1 Skop Bidang**

Skop bidang yang ditumpukan pengkaji dalam kajian ini adalah dalam bidang sosial masyarakat India. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji ingin mengkaji bagaimana kedudukan wanita tersebut berada dalam sosial masyarakat India. Skop bidang sosial ini juga dipilih kerana pengkaji mendapati agak mudah untuk memperolehi pelbagai rujukan terutamanya mengenai isu diskriminasi tersebut. Oleh itu, pemilihan skop bidang amat penting agar tidak tersasar daripada skop bidang yang sebenar.

### **1.6.2 Skop Kawasan**

Kawasan kajian yang ditumpukan dalam penyelidikan ini ialah bertempat di negara India. Hal ini dikatakan demikian kerana India merupakan salah sebuah negara yang paling dominan dalam isu diskriminasi terhadap wanita di seluruh dunia. Walaupun



masih terdapat banyak negara lain yang terlibat dalam isu diskriminasi wanita, pengkaji hanya memilih sebuah negara sahaja agar lebih mudah untuk mengendalikan kajian. Justeru itu, pemilihan sesebuah kawasan yang tetap akan memudahkan pengkaji untuk mengakses maklumat berkenaan isu diskriminasi tersebut khususnya di negara India sahaja.

### **1.6.3 Skop Masa**

Tempoh masa yang ditetapkan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini ialah bermula daripada tahun 1990 hingga 2018. Seperti yang kita sedia maklum, isu diskriminasi terhadap wanita di India sudah lama berlaku sekitar abad ke-19. Akan tetapi, penyelidik telah memilih untuk mengecilkan skop tempoh masanya iaitu tahun 1990 hingga 2018 sahaja. Hal ini adalah untuk memastikan tempoh masanya tidak terlalu meluas sehingga boleh menimbulkan kesukaran terhadap pengkaji untuk menyusun hasil dapatan kajian dalam sesebuah penulisan ilmiah. Sebagai contohnya, Sen (1990) menyatakan bahawa dalam masyarakat kontemporari India, mas kahwin dalam amalan dowri adalah bersifat universal.<sup>17</sup> Prospek membayar mas kahwin seringkali disenaraikan sebagai faktor kritikal dalam keinginan ibu bapa untuk mempunyai anak lelaki berbanding anak perempuan. Disebabkan oleh itu, ia boleh mendorong kepada diskriminasi berbentuk pengguguran seks selektif dan pembunuhan bayi perempuan. Sehubungan dengan itu, diskriminasi terhadap wanita di India juga turut berlaku pada tahun 2018 seperti yang dinyatakan dalam National Herald (2020) bahawa keganasan rumah tangga terhadap wanita dianggap sebagai kategori teratas terhadap wanita India pada tahun 2018. Menurut data daripada laporan '*Crimes in India – 2018*' yang disusun oleh Biro Rekod Jenayah Kebangsaan (NCRB), sebanyak 89, 097 kes berkaitan jenayah terhadap wanita telah didaftarkan di seluruh India pada tahun 2018.<sup>18</sup> Oleh itu, pemilihan skop masa yang tepat dapat mencapai objektif kajian yang telah dirancang pada awalnya.

---

<sup>17</sup> Sen, A., More than 100 million Women are Missing, *The New York Review of Books*, Vol. 37, 1990: 64.

<sup>18</sup> National Herald, 2020, Domestic Violence Tops Crime Against Women in 2018: NCRB, Dipetik dari <https://www.nationalheraldindia.com/national/domestic-violence-tops-crime-against-women-in-2018-ncrb> pada 25 Julai 2022.